

» Berisiko mewujudkan generasi pelapis kurang bertanggungjawab

Oleh Faizatul Farhana
Farush Khan
ffarhana@bh.com.my

Kuala Lumpur

Ketagihan terhadap media sosial dikenal pasti antara punca pelajar Islam semakin malas menuaikan ibadah solat pada awal waktu kerana leka melayari alam siber.

Pengarah Web, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Dr Nor Azman Ismail, berkata senario itu dikesan hasil kajian dijalankan pelajar ijazah sarjana universiti itu ke atas 450 pelajar Islam, tahun lalu.

Katanya, perkara itu berkait rapat hasil kajian lain UTM yang mendapati 58 peratus daripada 40 pelajar meluangkan masa 10 jam sehari melayari media sosial, tiga hingga 10 jam (20 peratus) dan tiga jam (22 peratus), sementara majoriti pengguna Facebook di negara ini adalah penuntut berusia antara 17 hingga 24 tahun.

Cetus banyak masalah

Beliau berkata, sikap obsesif terhadap media sosial berlaku apabila seseorang individu melayari alam siber untuk tempoh berlebihan, gemar berkomunikasi dalam talian dan sentiasa ketagih mengakses gajet atau komputer.

"Keadaan itu boleh menyebabkan individu terbabit mengabaikan tanggungjawab atau tugas harian, berasa diri tidak lengkap tanpa melayari media sosial dan kurang mementingkan kewujudan orang di sekeliling."

"Sikap obsesif sehingga tiada kawalan atau batasan ini akan menyumbang kepada banyak masalah, bukan sahaja terhadap diri mereka, tetapi juga keluarga, masyarakat, kerajaan dan

Leka layari internet punca pelajar malas



negara," katanya.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata hasil kajian dan pemerhatian mendapati penggunaan media sosial secara keterlaluan menyumbang kepada lebih banyak kesan negatif berbanding positif.

Bendung gejala negatif

Antara lain, beliau berkata, mengehadkan perkembangan diri, mewujudkan sikap obsesif, tidak mampu memperbaiki kemahiran

“Sikap obsesif sehingga tiada kawalan atau batasan ini akan menyumbang kepada banyak masalah”

Nor Azman Ismail,
Pengarah Web,
UTM

berkomunikasi secara manual, merenggangkan hubungan kekeluargaan, mengganggu pelajaran, risiko keselamatan terancam, dan mudah terjerat dengan pembohongan atau penipuan.

"Usaha boleh diambil bagi mengurangkan impak buruk itu termasuklah menempatkan komputer di ruang terbuka dalam rumah, kempen kesedaran berterusan oleh kerajaan, menyekat talian Internet pada waktu tertentu, memberi nasihat melalui laman sosial, dan pemantauan ibu bapa," katanya.

Sementara itu Pensyarah Kanan Kewartawanan, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Dr Siti Zabedah Mohd Shariff, pula menggesa semua pihak memainkan peranan membendung gejala negatif berkaitan media sosial dengan menerapkan didikan awal di rumah, menjalankan kempen kesedaran bukan bermusim dan mematuhi peraturan sedia ada di negara ini.

Beliau berkata, kegagalan menangani perkara itu berisiko mewujudkan generasi pelapis yang

“Usaha boleh diambil bagi mengurangkan impak buruk itu termasuklah menempatkan komputer di ruang terbuka dalam rumah”

Mohammad Shatar Sabran,
Timbalan Naib Canselor Hal
Ehwal Pelajar dan Alumni UPM

kurang bertanggungjawab, biadab dan tidak mampu berinteraksi secara bijak.

"Kebanyakan pelajar atau individu obsesif terhadap media sosial berikutan sikap ibu bapa memberikan gajet canggih sejak kecil, gagal menerapkan disiplin dari segi peruntukan masa, jarang memantau laman siber dilayari anak, kurang meluangkan masa bersama, selain meletakkan komputer di dalam bilik atau sudut terlindung."

"Faktor berkenaan menyebabkan anak bebas melayari maklumat yang negatif dan tidak sesuai dengan keperluan atau usia mereka seperti laman porno, sehingga berisiko terjebak dengan gejala sosial, jerayah serta masalah pelajaran terabai."

"Masalah ini timbul disebabkan kefahaman terhad mengenai peraturan diri atau 'self regulation', termasuk yang dilaksanakan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), apabila kajian saya mendapati 98 peratus individu meliputi ibu bapa tidak memahami atau berminat untuk mengetahui perkara itu," katanya.